

Sejarah dan Asal-usul Bahasa Arab: Satu Kajian Linguistik Sejarahawi

ABD RAUF BIN DATO' HASSAN AZHARI

*Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM
Serdang, Selangor, Malaysia*

Kata kunci: Linguistik sejarahawi, bahasa Arab, orang Samiyyah

ABSTRAK

Kertas kerja ini merupakan satu kajian linguistik sejarahawi mengenai asal-usul bahasa Arab. Ini kerana hingga hari ini, kajian mengenai asal-usul bahasa Arab ini masih dibincangkan dan dikaji oleh para sarjana Timur dan Barat. Kertas kerja ini akan membincangkan mengenai bahasa Arab yang berasal dari bahasa Semit. Dalam kajian ini, penulis perlu membincangkan pandangan ahli linguistik Arab dan sarjana Barat mengenai penempatan dan bahasa yang digunakan orang-orang Samiyyah. Di samping itu, kertas kerja ini juga akan membuktikan bahawa penempatan awal bagi orang-orang Samiyyah adalah di Semenanjung Arab dan bahasa terawal yang digunakan oleh mereka juga adalah bahasa Arab.

ABSTRACT

This study focuses on the linguistic history of the origin of the Arabic language. This is because until today, the origin of Arabic is still being discussed and studied by the Eastern and Western intellects. This paper will also be discussing the Arabic language that originated from the Semitic language. In this study, the author needs to discuss opinions from Arabic linguistic experts and Western intellects regarding the location and language used by the Samiyyah people. In addition, this paper will also prove that the early location of the Samiyyah people is in the Arab peninsular and the earliest language used was also Arabic language.

PENDAHULUAN

Sekiranya disingkap sejarah dan asal-usul bahasa Arab sama ada sebelum atau selepas kedatangan Islam, ternyata bahasa Arab mempunyai persamaan dengan bahasa serumpun dengannya yang dituturkan oleh orang-orang Ibri, Habasyi, Aramiyyah dan selainnya (Rafa'il Nakhlah al-Yasu'iy 1986:87).

Bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa utama di seluruh dunia Arab iaitu Mesir, Sudan, Libya, Tunisia, Maghribi, Algeria, Arab Saudi dan selainnya. Malah ia merupakan bahasa utama negara-negara bukan Arab seperti Republik Chad di Afrika Tengah dan bahasa minoriti di negara seperti Nigeria, Iran dan Soviet Union (Bernard Comrie 1998:24).

Titik tolak kemajuan dan perkembangan pesat bahasa Arab ini bermula sejak penurunan al-Quran dalam bahasa Arab yang merupakan


mukjizat yang paling agung di dunia ini. Justeru itu, bahasa Arab secara tidak langsung menjadi bahasa komunikasi seluruh umat Islam di dunia di samping hadis Rasulullah s.a.w juga diabadikan dalam bahasa Arab. Semua ilmu Islam di peringkat permulaan ditulis dalam bahasa ini dan penyebaran dakwah Islam di seluruh dunia di peringkat awal juga menggunakan bahasa Arab.

Dalam kertas kerja ini, penulis akan membahaskan mengenai asal-usul bahasa Arab yang berasal dari bahasa Semit. Bagi menentukan asal-usul ini, penulis perlu mengkaji secara linguistik sejarahawi mengenai penempatan awal penduduk orang-orang Samiyyah dan bahasa awal yang dituturkan oleh mereka. Ini kerana terdapat pelbagai pandangan ahli linguistik Arab dan Barat mengenai penempatan terawal bagi penduduk Samiyyah dan bahasa terawal yang digunakan oleh mereka.

ASAL-USUL BAHASA ARAB

Kesemua pengkaji filologi dan linguistik Arab percaya bahawa bahasa Arab berasal dari bahasa Semit (dalam bahasa Ibrani dinamakan SEM). Malah terdapat beberapa pandangan ahli linguistik Arab yang mengatakan kemungkinan bahasa yang terawal yang dituturkan oleh orang-orang Samiyah ini juga adalah bahasa Arab Kuno (*al-'arabiyyah al-qadimah*) (Ali Abd. Al-Wahid Wafi, T.thn: 15) Bahasa Arab juga merupakan satu-satunya bahasa Semit dengan bilangan penutur yang paling banyak melebihi 150 juta (Bernard Comrie 1998:24).

Keluarga bahasa Semit disebut sebagai bahasa Afroasia. Bahasa Afroasia dituturkan oleh kira-kira 175 juta orang yang berbeza dari segi etnik dan ras. Pada hari ini, ia meliputi sebahagian besar Timur Tengah di seluruh Afrika Utara, sebahagian besar Afrika Timur Laut dan suatu kawasan yang agak besar yang boleh secara kasar ditakrifkan sebagai barat laut Afrika Tengah. Cabang-cabang utama bagi bahasa Afroasia adalah seperti bahasa Mesir, bahasa Semit, bahasa Kush, bahasa Omo, Berber dan bahasa Chad (Bernard Comrie 1998:3) (Rajah 1).



Rajah 1: Cabang-cabang utama bahasa Afroasia

Max Moller berpendapat bahawa bahasa yang dituturkan oleh manusia hari ini boleh dibahagikan kepada tiga pecahan utama, iaitu (i) Bahasa Indo-Euro, (ii) Bahasa Semit-Hausa dan (iii) bahasa Tawraniyyah. Bagi kumpulan bahasa Semit-Hausa, kebanyakan pengkaji bahasa Arab mengatakan ia terbahagi kepada dua rumpun utama, iaitu bahasa Semit dan bahasa Hausa (Ahmad Muhd. Qaddur 1999:56).

Namun begitu, Max Moller berpendapat bahawa kumpulan bahasa Semit-Hausa adalah daripada satu kumpulan yang sama dan tidak terdapat apa-apa perbezaan antara Semit dan Hausa. Ini kerana pertuturan kedua-dua bahasa ini hampir sama dan gaya hidup serta ketamadunan kedua-dua bahasa ini juga adalah serupa (Tawfiq Muhd. Syahin 1980:75).

Selain itu, rumpun bahasa Semit dan Hausa ini juga telah dipelopori oleh 150 juta orang dan ia dituturkan di pelbagai tempat dan kawasan. Antara bahasa yang pernah wujud dalam rumpun Semit-Hausa ialah bahasa Mesir Purba, bahasa Qibti, bahasa Berber dan bahasa Kush. Manakala dialek bahasa Semit yang popular ialah bahasa Akadiah, Aramaik (Rajah 2), Kanaanit, Habasyi dan Arab (ibid, 76).



Rajah 2: Contoh tulisan aramaik

Pada tahun 1781M, seorang pengkaji Jerman yang bernama August Ludwig Schlotzer telah mengeluarkan manuskrip mengenai bangsa-bangsa terdahulu (Jawwad 'Ali 1968: 223). Beliau adalah orang yang pertama yang telah menggunakan istilah bahasa Semit sewaktu mengkaji sejarah Rom lama (Abd. al-'Al Salim Mukarram 1988:39). Kajian yang telah dilakukan oleh Schlotzer ini sebenarnya telah dibantu oleh seorang lagi sarjana dari Jerman yang bernama Eichhorn (Subhiy al-Saleh, 1989: 47). Ada juga di kalangan ahli bahasa yang menggunakan istilah *al-'Arabiyyah* tanpa menggunakan istilah bahasa Semit (Ahmad Muhd. Qaddur 1999:50).

Welfeinson di dalam buku karangannya *Sejarah Bahasa Semit* berpendapat bahawa kosa kata "Semit" adalah satu istilah yang amat sesuai digunakan untuk menunjukkan rumpun bahasa Afroasia bagi penduduk di kawasan timur laut Mediterranean yang kemudiannya tersebar ke benua Afrika Utara dan Eropah Selatan. Pada zaman purba, Empayar Assyria dan Babylonia merupakan pusat tamadun yang utama. Pedagang Phoenicia telah menjelajahi dan menubuhkan koloni di seluruh lembangan Mediterranean (Bernard Comrie 1998:18).

Bahasa Semit boleh dibahagikan kepada 2, iaitu bahasa Semit Timur dan Semit Barat. Manakala bahasa Semit Barat pula dibahagikan kepada Utara dan Selatan (Ahmad Muhd. Qaddur 1999:58). Bahasa Semit Timur dituturkan oleh penutur bahasa Akadiah yang dipecahkan kepada bahasa Babylonia dan bahasa Assyria.

Manakala bahasa Semit Barat pula dibahagikan kepada 2 iaitu Semit Barat bahagian


utara dan Semit barat bahagian selatan. Bagi bahasa Semit Barat bahagian utara dituturkan oleh penutur bahasa Kanaanit (utara dan selatan) dan bahasa Aramaik. Manakala bahasa Semit Barat bahagian selatan dituturkan oleh penutur bahasa Etiopia dan bahasa Arab. Bahasa Arab pula terbahagi kepada 2 iaitu bahasa Arab utara dan bahasa Arab selatan (bahasa Yaman Kuno) (Ahmad Muhd. Qaddur 1999:65). Bagi bahasa Arab utara inilah yang masih dituturkan sehingga ke hari ini. Bagi menjelaskan kedudukan rumpun bahasa Semit yang diterangkan di atas, cuba lihat *Rajah 3* di bawah.

PENEMPATAN AWAL ORANG-ORANG SAMIYYAH

Ahli bahasa Arab berpendapat bahawa unsur-unsur yang terdapat dalam bahasa Arab itu banyak menyerupai rumpun bahasa Semit seperti bahasa Aramaik, Kanaanit dan lainnya, namun sebenarnya ia amat sukar untuk dianalisis dan ditentukan secara tepat. Kesukaran ini disebabkan penempatan yang terawal bagi orang-orang Samiyyah masih menjadi perbincangan hangat di kalangan ahli sejarah dan tidak dapat dipastikan dengan tepat hingga ke hari ini.

Penulis mendapati kebanyakan pengkaji bahasa Arab percaya bahawa orang-orang Samiyyah pernah menetap di semenanjung Arab. Namun, pengkaji-pengkaji bahasa Arab telah berselisih faham mengenai penempatan awal orang-orang Samiyyah. Di bawah ini, penulis menghuraikan antara pandangan ahli-ahli sejarah Arab mengenai penempatan awal orang-orang Samiyyah dan mereka telah membahagikan penempatan tersebut kepada tujuh kawasan berikut:

- Penempatan awal bagi orang-orang Samiyyah adalah di tenggara semenanjung Arab, iaitu di negara Yaman. Pendapat ini disokong oleh kedua-dua orang sarjana terkemuka, iaitu Ernest Renan dari Perancis dan Brockelmann dari Jerman yang sama-sama berpendapat bahawa penempatan awal bagi orang-orang Samiyyah ialah di tenggara semenanjung Arab (Ali Abdul Wahid Wafiy t.thn:7).
- Penempatan awal bagi orang-orang Samiyyah adalah di semenanjung Arab. Pendapat inilah yang paling tepat dan logik walaupun telah diketahui umum bahawa sejarah negara Arab agak lewat diketahui berbanding



Rajah 3: Rumpun bahasa Semit ('Arubiyyah)

sejarah ketamadunan rumpun-rumpun bahasa Semit yang lain. Pendapat ini telah diutarakan pada tahun 1901 setelah menemui beberapa penemuan sejarah di negara al-Sus (Hana al-Fakhuriy 1985: 1: 47).

- c. Pendapat ketiga berpendapat bahawa penempatan awal bagi orang-orang Samiyyah ialah di selatan negara Iraq (Imil Badi' Ya'qub 1986:110). Pendapat ini telah disokong oleh Juwaidiy seorang profesor Linguistik Arab yang berpendapat bahawa penempatan awal bagi penduduk Samiyyah ialah di negara Iraq (Tawfiq Muhd. Syahin 1980:79).

Jika diteliti dari beberapa contoh perkataan yang terdapat di dalam bahasa Semit, ia menunjukkan bahawa terdapat beberapa contoh perkataan dalam bahasa ini yang mempunyai unsur-unsur pembangunan, kesuburan tanaman dan ternakan (Imil Badi' Ya'qub 1986:110). Iraq suatu masa dahulu merupakan sebuah penempatan yang subur dengan pembangunan yang membanggakan.

Tetapi Nolendka berpendapat bahawa bukti yang terdapat pada beberapa perkataan yang mempunyai makna yang berkaitan dengan alam semula jadi yang terdapat di negara Iraq itu tidak boleh dijadikan satu alasan atau bukti yang kukuh. Ini kerana terdapat banyak perkataan yang lain dalam rumpun bahasa Semit yang tidak dikaitkan dengan alam semula jadi negara Iraq (ibid, 110).

- d. Pendapat keempat pula berpendapat bahawa negara Kan'an di Syria adalah penempatan awal bagi orang-orang Samiyyah. Mereka mengatakan bahawa orang-orang Samiyyah ini telah menduduki bumi Syria sejak berkurun-kurun lama dahulu.
- e. Nolendka, seorang pengkaji bahasa pula berpendapat bahawa penempatan awal bagi orang-orang Samiyyah ialah di Arminiyyah

(*Rajah 4*). Penempatan mereka ini terletak di pertengahan benua Asia (Syawqiy Daif 1988: 2). Ini kerana di Arminiyyah terdapat sebuah banjaran yang bernama Ararat dan di banjaran inilah kapal Nabi Nuh a.s telah berlabuh sewaktu berlaku taufan pada beberapa abad yang lampau (Imil Badi' Ya'qub 1986:110). Selain itu, bumi Arminiyyah ini juga terletak berdekatan dengan sempadan negara Kurdistan (Muhammad al-Antaki 1969:67).

- f. Sebahagian yang lain berpendapat bahawa penempatan awal bagi orang-orang Samiyyah ialah di negara Habasyi atau di utara benua Afrika (Imil Badi' Ya'qub 1986:110) dan negara Somalia (Syawqiy Daif 1988:2). Ini memandangkan terdapat pertalian yang kuat antara bahasa Semit dengan rumpun bahasa Hausa (Imil Badi' Ya'qub 1986:110).
- g. Font Cremer berpandangan bahawa penempatan awal orang-orang Samiyyah ialah di Babylon. Ini kerana terdapat beberapa kosa kata bahasa orang-orang Babylon yang berkaitan dengan pertanian yang menyerupai bahasa Semit. Guidy, seorang sarjana Jerman juga menyokong pandangan yang diutarakan oleh Font Cremer. Namun pendapat Guidi berbeza sedikit dengan pendapat Font Cremer. Beliau menyatakan persamaan antara bahasa Babylonia dan Semit bukan sahaja dari sudut pertanian sebagaimana yang didakwa oleh Font Cremer, bahkan ianya mempunyai persamaan dari sudut pembangunan, nama-nama haiwan dan beberapa kosa kata yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dan alam semula jadi (Jawwad 'Ali 1968:230).

Dari pandangan-pandangan yang diutarakan di atas tadi, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa walaupun ahli-ahli sejarawi Arab berselisih pendapat mengenai penempatan awal orang-orang Samiyyah di pelbagai kawasan,

Եզական զեմք մըն է հասել Մովսէս Խորենացի, որուն հանդէպ երախտիքի անսահման պարտք մը ունին իր ազգակիցները: Նախառաջ զար տն բերած է մեր գրականութեան տեղին է: Ան մեր առաջին պատմագիրն է: Այդ պարնառով ան կոչուած է «պատմա՛յալ», մեր պատմաբաններուն յայր: Ան ջանացած է գրել հայոց պարմութիւնը, մեր ցեղի ծագումէն մինչև հոգ զար, իր օրերը:

Rajah 4: Contoh tulisan arminiah

namun pandangan mereka masih berkisar di sekitar semenanjung tanah Arab. Kebanyakan ahli bahasa Arab juga percaya bahawa penempatan awal orang-orang Samiyyah adalah di semenanjung Arab. Dari kawasan inilah, orang-orang Arab telah berpindah ke kawasan lain. Ini kerana tanah semenanjung Arab sebagaimana yang diketahui dipenuhi dengan padang-padang pasir yang kering kontang. Oleh itu, mereka yang tinggal di semenanjung Arab ini sering berpindah demi mencari satu kawasan yang lebih subur terutamanya wadi atau oasis. Inilah juga sifat orang Samiyyah yang sering berpindah dari satu kawasan ke kawasan yang lain.

Penulis tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa penempatan awal orang Samiyyah di Babylon. Ini kerana sebagaimana yang diketahui, negara Babylon adalah sebuah negara yang bertamadun dan subur. Oleh itu, tidak mungkin orang Samiyyah yang dikatakan menetap di Babylon, iaitu sebuah kawasan yang subur dan seterusnya berpindah ke kawasan yang kering kontang dan mundur. Kebiasaannya manusia akan berpindah ke satu kawasan yang lebih baik daripada yang sebelumnya. Oleh itu, pandangan ini tidak logik dan pandangan yang lebih relevan mengenai penempatan awal orang Samiyyah itu ialah di semenanjung Arab.

Selain itu, penulis menguatkan hujah mengenai penempatan awal orang Samiyyah di semenanjung Arab itu berdasarkan kehidupan mereka ini tersebar di padang-padang pasir. Orang Samiyyah ini hidup seperti kehidupan orang Badawi Arab yang sentiasa mencari penempatan yang selesa di padang-padang pasir Sahara. Penempatan yang bersandarkan kehidupan di padang-padang pasir Sahara itu hanyalah terdapat di semenanjung tanah Arab.

BAHASA TERAWAL ORANG SAMIYYAH

Para penyelidik bukan sahaja berselisih pendapat mengenai penempatan terawal bagi orang-orang Samiyyah seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, malah mereka juga berselisih pandangan dalam menentukan bahasa terawal yang dituturkan oleh orang Samiyyah.

Di bawah ini, penulis akan membahagikan pandangan sarjana bahasa mengenai bahasa terawal bagi orang Samiyyah kepada 3 pandangan utama:

- i. Setengah penyelidik berpendapat bahawa bahasa terawal yang dituturkan oleh orang

Samiyyah ialah bahasa Ibri. Ini kerana bahasa Ibri di anggap sebagai bahasa yang terawal bagi bahasa-bahasa dunia (Rajiy Akmal 1972:13). Pendapat ini sebenarnya telah diutarakan oleh orang-orang Yahudi yang mendapat sokongan dari ahli bahasa dan pengkaji etimologi Arab (Imil Badi' Ya'qub 1986:111).

- ii. Sebahagian ahli bahasa Arab berpendapat bahawa bahasa terawal yang dituturkan oleh orang Samiyyah ialah bahasa Arab Kuno (*al-'arabiyyah al-qadimah*). Antara ahli bahasa terkemuka yang bersetuju dengan pandangan ini ialah Olshausen, seorang sarjana Inggeris. Namun begitu, pandangan ini telah mendapat tentangan dan kritikan hebat terutamanya di kalangan beberapa pengkaji bahasa di Barat. Seorang orientalis barat mengatakan bahawa orang Samiyyah itu tinggal dan menetap di pelbagai tempat dan kawasan. Mustahil mereka bertutur dalam satu bahasa, iaitu bahasa Arab. Ali Abd Wahid Wafi (t.thn:169) berpendapat adalah tidak mustahil orang-orang Samiyyah bertutur dalam satu bahasa walaupun mereka sering berpindah-randah. Ini kerana, mereka berpindah ke kawasan yang baru yang masih di dalam lingkungan semenanjung tanah Arab. Oleh itu sudah tentulah bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi masih tidak berubah.

Ahmad Muhd. Qaddur menyatakan bahawa terdapat persamaan ciri-ciri bahasa yang dituturkan oleh orang Samiyyah dengan bahasa Arab Kuno (*al-'arabiyyah al-qadimah*) seperti berikut:

- a. Terdapat persamaan dari sudut fonetik antara bahasa pertuturan orang Samiyyah dengan bahasa Arab. Ini kerana bahasa Samiyyah menekankan bunyi huruf yang keluar dari rongga halkum seperti (*al-'ain*, *al-ghain*, *al-ha'*, *al-ha'* dan *al-hamzah*). Huruf-huruf ini juga terdapat dalam bahasa Arab.
- b. Terdapat bunyi huruf yang tebal dalam bahasa Semit iaitu *al-sad* (ص), *al-dad* (ض), *al-ta'* (ط) dan *al-za'* (ظ). Huruf-huruf tebal ini juga terdapat dalam bahasa Arab.
- c. Bahasa Semit merujuk kepada asal perkataan 3 huruf (*thulathiy*). Sistem ini juga terdapat dalam bahasa Arab yang

- menekankan kata kerja itu dari 3 huruf.
- d. Bahasa Semit menekankan sistem infleksi (*i'rab*) sama ada dengan *al-rafa'*, *al-nasab* dan *al-jarr*. Sistem infleksi ini juga banyak ditekankan dalam kaedah bahasa Arab (Ahmad Muhammad Qaddur 1993:52).

- iii. Pendapat ketiga pula berpandangan bahawa bahasa Assyuria dan Babylonia adalah bahasa terawal yang dituturkan oleh orang Samiyyah. Pendapat ini telah dikritik oleh ahli bahasa dan filologi Arab yang berpendapat bahawa walaupun terdapat beberapa perkataan yang sama antara bahasa Semit dan bahasa Assyuria atau Babylonia, namun ia tidak begitu ketara dan hanya terdapat pada beberapa contoh perkataan sahaja dan ia tidaklah boleh dijadikan hipotesis yang kukuh pada mengatakan bahasa Assyuria dan Babylonia merupakan bahasa terawal yang dituturkan oleh orang Samiyyah (ibid, 15).

Daripada beberapa pandangan yang diutarakan di atas, di sini penulis dapat membuat kesimpulan bahawa bahasa terawal yang digunakan oleh orang-orang Samiyyah adalah bahasa Arab Kuno. Ini memandangkan bahawa penempatan yang terawal bagi orang-orang Samiyyah adalah di semenanjung Arab yang kebanyakannya berasal dari Yaman. Dari Yaman inilah orang-orang Samiyyah berpecah ke beberapa negara yang lain seperti Iraq, Mesir, Syam dan selainnya. Ini ditambah lagi dengan pandangan beberapa orang ahli filologi Arab seperti Imil Badi' Ya'qub, Ali Abd al-Wahid Wafiy, Ahmad Muhd Qaddur dan beberapa orang orientalis yang lain berpandangan bahawa bahasa terawal yang dituturkan oleh orang-orang Samiyyah adalah bahasa Arab (*bahasa Arab kuno*).

KESIMPULAN

Dalam perbincangan yang telah diutarakan di atas, penulis mendapati bahasa Arab (*bahasa Arab kuno*) adalah berasal dari bahasa Semit. Bahasa Semit merupakan rumpun bahasa Afroasia. Selain itu, jika dianalisis dari konteks klausa, ternyata banyak terdapat titik persamaan antara bahasa Semit dengan bahasa Arab Kuno. Contohnya, bahasa Semit mempunyai unsur-unsur fonologi yang sama dengan bahasa Arab (Imil Badi' Yaqub 1986:113) Di samping itu,

bahasa Semit juga mempunyai unsur-unsur fleksi (*al-'Irab*) yang sama dengan bahasa Arab. Begitu juga di dalam bahasa Semit terdapat pola-pola yang berbeza bagi kata jamak yang sama dengan sistem jamak dalam bahasa Arab (Ibrahim Anis 1965:33). Ini semua membuktikan bahawa bahasa terawal yang dituturkan oleh orang-orang Samiyyah adalah bahasa Arab (*bahasa Arab kuno*).

RUJUKAN

- ALI ABD. AL-WAHID WAFIY (t.thn) *Fiqh al-Lughah*. Kaherah: Dar al-Nahdah.
- AHMAD MUHAMMAD QADDUR. 1993. *Madkhal 'Ila Fiqh al-Lughah al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- BERNARD COMRIE (ed.). 1999. *Ensaiiklopedia Bahasa Utama Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- HANA AL-FAKHURIY. 1985. *Nata'ij al-Fikr Fi al-Nahu*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- IBN. KHALIKAN, ABU AL-'ABBAS SYAMSUDDIN AHMAD B. dan MUHAMMAD B. ABU BAKR. 1997. *Wafiyat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- IBN AL-SIDAH 'ALI B. ISMA'IL. 1973. *al-Mukhassas*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- IBRAHIM ANIS. 1965. *Fi al-Lahjat al-'Arabiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Anjalu al-Misriyyah.
- IMIL BADI' YA'QUB. 1986. *Fiqh al-Lughah al-'Arabiyyah Wa Khasaisuha*. Beirut: Dar al-'Ilm Li al-Malayin.
- _____. 1986. *Mausu'ah al-Huruf Fi al-Lughat al-'Arabiat*. Beirut: Dar al-Jil.
- JAWALIQIY, ABU MANSUR. 1990. *al-Mu'arrab Min al-Kalam al-A'jamiy Ala Huruf al-Mu'jam*. Beirut: Dar al-Qalam.
- JAWHARIY, ISMA'IL B. HUMMAD. 1984. *al-Sihah Taj al-Lughah wa Sihah al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- RAFA'IL NAKHLAH AL-YASU'IY. 1986. *Ghara'ib al-Lughah al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Masyriq.
- RAJIY AL-ASMAR. 1993. *al-Mu'jam al-Mufasssal fi al-'Im al-Sarf*. Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiyyah.
- SUBHIY AL-SALEH. 1989. *Dirasat Fi Fiqh al-Lughah*. Beirut: Dar al-'Ilm Li al-Malayin.
- SYAHABUDDIN ABU ABDULLAH YAQUT B. ABDULLAH (t.thn) *Mu'jam al-Udaba'*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.

SYAHABUDDIN AL-KHAFAJIY. 1998. *Syifa' al-Ghalil Fi al-Lughah al-'Arabiyyah Min al-Dakhil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

TAWFIQ MUHAMMAD SYAHIN. 1980. *'Ilm al-Lughah al-'Aam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

SYAWQIY AL-DAIF. 1989. *al-'Asr al-Jahiliy*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.

(Diterima: 17 Februari 2004)